

25/07/2002

Pusat Pengajian Nusantara di St Petersburg

Salbiah Ani

UNIVERSITI St Petersburg, universiti tertua di Russia bercadang membentuk Pusat Pengajian Nusantara di universiti terbabit dan berharap ada institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang sedia membantu mereka ke arah merealisasikan hasrat terbabit.

Pensyarah Jabatan Sastera Cina, Korea dan Asia Tenggara, Fakulti Ketimuran, Universiti St Petersburg, Prof Alexander K Ogloblin berkata, sarjana dan mahasiswa universiti terbabit banyak memberi perhatian kepada penelitian berhubung Nusantara serta negara sekitarnya.

"Memandangkan bidang pengajian Nusantara mendapat perhatian menggalakkan daripada sarjana dan mahasiswa kami, maka Universiti St Petersburg berhasrat untuk memantapkan lagi bidang pengajian itu dan pembentukan Pusat Pengajian Nusantara pada masa terdekat tentunya dapat membantu," katanya dalam pertemuan dengan Sastera dan Budaya di Bangi, baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau memberi ceramah berhubung penelitian rantau Nusantara yang pernah dilakukan di kalangan sarjana dan mahasiswa Universiti St Petersburg di Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Prof Ogloblin membentangkan kertas kerja pada Persidangan Antarabangsa Kajian Bahasa Asing (Conflas 2002) pada 12 dan 13 Julai lalu anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) diberi kuasa berunding dengan IPT Malaysia bagi menjalin hubungan dalam bidang pengajaran, penelitian dan hubungan antara budaya.

Hak untuk melakukan rundingan dengan IPT Malaysia diberikan oleh Pentadbiran Fakulti Ketimuran, Universiti St Petersburg dan ia dinyatakan dalam surat yang ditandatangani Dekan Akademi Sains Russia, Prof Ivan M Steblin Kamensky.

Beliau berkata, Universiti St Petersburg menerima permintaan untuk mengikuti bidang Pengajian Melayu (Jurusan Indonesia/Melayu, Jurusan Indonesia/Jawa atau Jurusan Indonesia/Arab) pada kadar tiga tahun sekali dan jumlah mahasiswa antara lima hingga 10 orang.

"Saya akui peluang pekerjaan untuk mahasiswa Pengajian Melayu di Russia amat terbatas dan mereka hanya berpeluang umpamanya menjadi felo di Akademi Sains Russia (khusus untuk penelitian) dan institusi di bawah Kementerian Pertahanan seperti Sekolah Tinggi Militer serta Institut Ketimuran," katanya.

Prof Ogloblin mengakui Fakulti Ketimuran, Universiti St Petersburg memberi perhatian kepada rantau Nusantara kerana mahu memperkembangkan pelbagai teori yang dijana sarjana mereka dalam ilmu pengetahuan.

"Meskipun Russia berada di luar Nusantara, kami juga mahu menyumbang dalam usaha membangunkan ilmu dan kami sememangnya mempunyai beberapa teori sastera yang dibangunkan daripada cerita rakyat," katanya.

Beliau mengakui secara perbandingan perhatian lebih bertumpu kepada Indonesia berbanding Malaysia selain jurusan sastera China, Jepun dan Korea sebenarnya lebih mendapat perhatian daripada mahasiswa Universiti St Petersburg.

Tumpuan kepada Indonesia dikatakan berlaku kerana hubungan diplomatik yang begitu lama terjalin di antara Russia dan negara itu berbanding Malaysia selain kedudukan Malaysia sebagai bekas jajahan Inggeris mendorong Russia lebih berhati-hati.

Sungguhpun demikian, sarjana Russia banyak menghasilkan teks mengenai Nusantara termasuk zaman Sriwijaya dan Kesultanan Melayu dengan kutipan

daripada pelbagai buku teks jawi dan rumi serta contoh prasasti, boleh diperolehi dalam bahasa Russia.

Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara Persatuan Nusantara Russia dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merencanakan kegiatan penerbitan karya Nusantara dengan setiap judul lazimnya diterbitkan di antara 500, 1000 atau 2000 naskhah.

Kesungguhan sarjana Russia dalam mendalami ilmu dan meluaskan pengetahuan mereka meskipun dihimpit dengan masalah ekonomi yang memaksa mereka membuat kerja sambil tidak mematahkan semangat mereka dalam dunia akademik.

Prof Ogloblin berkata, Fakulti Ketimuran turut mempunyai seorang pemegang ijazah doktor falsafah yang meneliti kebudayaan Nusantara tradisional dan kajiannya berhubung kebudayaan Batak merangkumi mitos agama dan budaya suku terbabit diterbitkan dalam bentuk buku.

"Puisi Indonesia kontemporari mengenai Chairil Anwar dan WS Rendra turut menjadi bahan kajian mahasiswa kami. Tidak ketinggalan ada juga tesis yang membincangkan Hikayat Abdullah dan ada beberapa bahagian disertasi itu yang menimbulkan provokasi," katanya.

Malahan tahun lalu, ada juga tesis berhubung kesusasteraan Champa dan hubungannya dengan agama (merangkumi peralihan bangsa Champa dari Hindu ke Islam serta hubungan dengan dunia luar) oleh pelajar jurusan sastera Vietnam yang tertarik dengan bahasa Champa.

Selain aspek tradisional, sarjana Russia turut memberi perhatian kepada isu kontemporari dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak terlepas daripada perhatian mereka sehingga buku mengenai beliau turut ditangani.

Prof Ogloblin berkata, Fakulti Ketimuran mengharapkan ada pihak dari Malaysia yang sedia menghantar rombongan ke Universiti St Petersburg bagi membolehkan kami mendapat pendedahan kerana tenaga pengajar kami tidak ramai.

"Sungguhpun tenaga pengajar kami tidak ramai dan sarjana kami tidak berkesempatan mendapat pendedahan kerja lapangan di Nusantara tetapi dunia ilmiah Melayu betul-betul kami selami dan pelajari daripada orang Russia," katanya yang pernah dilantik sebagai juru bahasa kepada bekas Presiden Indonesia, Sukarno.

Di samping kesungguhan itu, kurikulum di universiti terbabit memperuntukkan 16 jam seminggu dan 30 jam seminggu untuk tulisan jawi, memungkinkan mereka menguasai bahasa yang menjadi kajian dengan sebaik-baiknya.

Selain itu, pelajar mereka turut dibekalkan dengan ilmu filologi (analisis saintifik mengenai rakaman bertulis dan teks sastera) bagi mengelakkan mereka daripada melakukan kesilapan ketika melakukan kajian.

"Kami sangat berharap satu pusat pengajian Nusantara dapat dibentuk di universiti ini dan kebetulan juga mempunyai bahan berusia lebih 100 tahun yang terkumpul di Muzium Seni Rupa St Petersburg dan belum diterokai," katanya.

Muzium Seni Rupa St Petersburg atau dikenali sebagai Ermitage dalam bahasa Russia, salah satu muzium terbesar di dunia, dibangunkan raja-raja Russia dan menjadi besar pada zaman Soviet dengan koleksi kesenian dunia serta mendapat perhatian daripada pelbagai negara.

Selain itu, Akademi Sains Institut Ketimuran menyimpan 14 naskhah dunia Melayu termasuk Sejarah Melayu, beberapa syair yang ditulis di Batavia pada zaman kolonial dan sejumlah Surat Raja-Raja Melayu dalam tulisan jawi abad ke-19 cetakan litografi tetapi tidak pernah diterjemahkan ditemui dalam Arkib Akademi Sains pada tahun lalu.

Prof Ogloblin berkata, permintaan terhadap pendidikan di negara itu masih tinggi baik dalam bidang sains, teknologi mahupun kemasyarakatan dan

calon universiti terpaksa menduduki tiga ujian kelayakan sebelum mereka diterima masuk.

"Salah satu daripada kertas ujian yang perlu diduduki ialah bahasa asing dan calon yang gagal ujian terbabit masih boleh diterima masuk tetapi di bawah skim lain dengan bayaran tertentu kerana pendidikan di Russia adalah percuma selama ini," katanya.

Sistem pendidikan negara itu dikatakan mengalami perubahan yang besar selepas Russia berdepan dengan masalah ekonomi akibat runtuhnya Kesatuan Soviet Union dan dalam usaha mendapatkan dana maka sistem kemasukan secara berbayar dikenakan kepada pelajar yang gagal ujian.

Prof Ogloblin berkata, Fakulti Ketimuran dibuka sejak tahun 1855 ketika St Petersburg masih lagi berstatus ibu negara Russia manakala Jabatan Bahasa dan Sastera Arab universiti itu sudah berusia 170 tahun.